Exabytes mungkin mengumpul Maklumat Peribadi berikut daripada anda: nama, alamat, tarikh lahir, nombor telefon, alamat surat-menyurat, alamat e-mel, alamat IP, maklumat tentang jenis pelayar yang anda gunakan, sistem operasi anda, resolusi skrin pelayar anda, pembekal perkhidmatan internet (ISP) anda, halaman yang anda lawati di Laman Web dan masa serta tempoh lawatan anda ke Laman Web, nombor kad kredit (bagi pelanggan langsung) dan, jika berkenaan, nama syarikat, alamat surat-menyurat, nombor telefon, alamat e-mel, nombor kad pengenalan, nombor pasport, nombor kad kredit atau nombor ID cukai serta maklumat yang serupa mengenai individu yang bertindak sebagai kenalan teknikal, kenalan pemasaran dan kenalan eksekutif dalam syarikat atau organisasi anda.

2. Komunikasi Pengguna

Jika anda berkomunikasi dengan Exabytes, Exabytes mungkin mengumpul maklumat berkaitan dengan komunikasi tersebut tanpa mengira sama ada ia dalam bentuk e-mel, surat, kiriman di forum, testimoni atau apa-apa bentuk komunikasi lain antara anda dan Exabytes atau yang dikemukakan oleh anda ke Laman Web (secara kolektif dirujuk sebagai "Komunikasi Pengguna").

3. Maklumat Pelayan (Server)

Jika anda menggunakan mana-mana perkhidmatan Exabytes seperti Pengehosan Web, Pelayan Dikhaskan, VPS, Nama Domain atau SSL, Exabytes mungkin mengumpul maklumat tertentu berkaitan dengan perkhidmatan tersebut dan pelayan yang mengendalikannya. Maklumat ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

- (a) status berlesen atau tidak berlesen bagi perisian yang digunakan di bawah perkhidmatan tersebut;
 - (b) sumber daripada mana lesen perisian diperoleh (iaitu Exabytes atau rakan kongsi Exabytes); dan
 - (c) maklumat mengenai pelayan yang dipasang perisian tersebut termasuk (i) alamat IP awam, (ii) sistem operasi, dan (iii) penggunaan teknologi virtualisasi pada pelayan tersebut
- ((a) hingga (c) secara kolektif dirujuk sebagai "Maklumat Pelayan").

Selain itu, "Maklumat Pelayan" juga termasuk maklumat yang dikumpul oleh Exabytes dari semasa ke semasa mengenai ciri perisian yang paling kerap digunakan bagi tujuan penambahbaikan dan pelarasan; serta maklumat yang dikumpul daripada anda oleh Exabytes sekiranya anda meminta sokongan teknikal termasuk, tetapi tidak terhad kepada, alamat IP, nama pengguna dan kata laluan untuk akses SSH, direktori pelayan yang dipasang perisian dan akaun yang terlibat termasuk akaun e-mel, akaun MySQL dan akaun lain.

4. Maklumat Bukan Peribadi

Exabytes juga mengumpul data dalam bentuk yang secara sendirinya tidak membolehkan pengenalan terus kepada mana-mana individu tertentu. Exabytes boleh mengumpul, menggunakan, memindahkan dan mendedahkan maklumat bukan peribadi untuk sebarang tujuan.

Bagaimanakah Exabytes mendedahkan Maklumat Peribadi yang dikumpulkannya?

Exabytes tidak akan mendedahkan maklumat peribadi dan akaun pelanggan kepada mana-mana pihak ketiga, melainkan jika Exabytes mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa pendedahan tersebut adalah perlu bagi mengenal pasti, menghubungi, atau mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang mungkin menyebabkan kerosakan atau mengganggu hak atau harta Exabytes, pelanggan Exabytes, atau pihak lain, atau jika Exabytes berpendapat dengan suci hati bahawa undang-undang memerlukan pendedahan tersebut.

Exabytes tidak bertanggungjawab untuk melindungi Maklumat Peribadi anda sekiranya anda sendiri mendedahkan maklumat tersebut di bahagian awam di Laman Web seperti forum pengguna atau ruangan testimoni. Anda dinasihatkan untuk menggunakan pertimbangan anda sendiri sebelum berkongsi maklumat di platform tersebut.

Kecuali seperti dinyatakan di bawah, Exabytes juga tidak akan mendedahkan kepada pihak ketiga kandungan e-mel atau komunikasi elektronik lain yang disimpan atau dihantar oleh Exabytes bagi pihak pelanggan. Pendedahan komunikasi pelanggan oleh Exabytes hanya akan dilakukan dalam keadaan berikut:

- i. jika perlu untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan;
- ii. jika perlu untuk melindungi kepentingan sah Exabytes dan pelanggannya;
- iii. jika diperlukan untuk mematuhi perintah pemintasan, waran, atau proses undang-undang lain yang ditentukan oleh Exabytes sebagai sah dan boleh dikuatkuasakan; dan
- iv. jika kandungan komunikasi diperoleh secara tidak sengaja oleh Exabytes dan kelihatan berkaitan dengan perlakuan jenayah, dan perlu diserahkan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang.

Exabytes tidak berniat untuk menapis, menyunting, atau menjalankan semakan atau pemantauan berterusan terhadap komunikasi yang disimpan atau dihantar melalui kemudahan kami oleh pelanggan atau pihak lain. Namun begitu, Exabytes berhak untuk menyemak, memadam, atau menyekat akses kepada komunikasi yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada Exabytes, pelanggan, atau pihak ketiga. Tindakan ini boleh diambil berdasarkan pelanggaran sebenar atau berpotensi terhadap dasar Exabytes.

Sekiranya Exabytes diambil alih oleh syarikat lain, bergabung dengan syarikat lain atau sebahagian besar asetnya dibeli oleh syarikat lain, Exabytes mungkin akan berkongsi Maklumat Peribadi anda dengan syarikat tersebut. Dalam keadaan sedemikian, Exabytes akan memaklumkan kepada anda selaras dengan peruntukan notis dalam Terma Penggunaan.

Exabytes juga boleh mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga yang berkaitan yang membantu Exabytes dalam menyelenggara, menilai, menambah baik dan menyediakan Laman Web, Perkhidmatan, serta mana-mana produk dan perkhidmatan Exabytes yang lain. Exabytes juga boleh mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga yang berkaitan bagi tujuan menawarkan, memasarkan atau mengiklankan produk dan perkhidmatan Exabytes kepada anda (yang mungkin merujuk kepada, menggabungkan, atau termasuk produk dan perkhidmatan pihak ketiga). Dalam keadaan sedemikian, Exabytes akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengelakkan pihak ketiga tersebut daripada menggunakan Maklumat Peribadi anda bagi tujuan lain.

Bagaimana Exabytes Menggunakan dan Menyimpan Maklumat yang Dikumpul?

Secara amnya, Exabytes mungkin menggunakan Maklumat Peribadi yang anda berikan kepada Exabytes untuk menambah baik dan menyediakan Laman Web, Perkhidmatan serta produk dan perkhidmatan lain Exabytes, dan juga bagi tujuan khusus yang anda berikan maklumat tersebut kepada Exabytes. Perincian lanjut tentang cara Exabytes menggunakan maklumat anda adalah seperti berikut:

Exabytes mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk mencipta dan mengesahkan akaun anda, memproses transaksi yang anda minta seperti pendaftaran nama domain bagi melaksanakan kontrak yang telah anda persetujui bersama Exabytes, memberikan sokongan pelanggan dan teknikal, serta berkomunikasi dengan anda berkenaan akaun anda dan produk serta perkhidmatan Exabytes.

Maklumat Peribadi yang anda berikan membolehkan Exabytes menghantar surat berita dan senarai mel yang anda telah daftar. Jika anda tidak lagi ingin menerima surat berita tersebut, anda boleh memilih untuk berhenti pada bila-bila masa dengan menukar tetapan di halaman 'Maklumat Saya' dalam kawasan pelanggan.

Exabytes juga mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk menawarkan, memasarkan, atau mengiklankan produk dan perkhidmatannya kepada anda. Walaupun produk dan perkhidmatan tersebut mungkin merujuk kepada atau mengandungi elemen daripada pihak ketiga, Exabytes tidak akan menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk menawarkan atau mengiklankan produk dan perkhidmatan pihak ketiga secara bebas melainkan dengan kebenaran anda terlebih dahulu.

Dari semasa ke semasa, Exabytes mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk menghantar notis penting seperti kemas kini produk dan komunikasi berkaitan pembelian serta perubahan pada terma, syarat, dan dasar Exabytes. Oleh kerana maklumat ini penting bagi urusan anda dengan Exabytes, anda tidak boleh memilih untuk berhenti menerima komunikasi ini.

Exabytes juga mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda bagi tujuan lain yang sah seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan sebarang tujuan lain yang anda telah berikan keizinan secara nyata kepada Exabytes.

Dengan keizinan anda, Exabytes mungkin menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk menghantar komunikasi pemasaran terus kepada anda. Jika anda memilih untuk menarik diri daripada menerima komunikasi tersebut, Exabytes mungkin menyimpan rekod Maklumat Peribadi anda untuk memastikan anda tidak lagi menerima komunikasi yang anda telah minta dihentikan. Exabytes mengehadkan penggunaan Maklumat Peribadi kepada tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan hanya selepas mendapat persetujuan jelas daripada anda. Selaras dengan dasar dan prosedur yang ditetapkan, Exabytes akan menyimpan Maklumat Peribadi hanya untuk tempoh yang perlu bagi memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan, kecuali dikehendaki oleh undang-undang untuk tempoh yang berbeza atau anda memberikan keizinan untuk simpanan lebih lama.

Selaras dengan dasar dan prosedur yang ditetapkan, Exabytes akan memusnahkan atau memadam Maklumat Peribadi yang tidak lagi diperlukan secara berkala.

Exabytes mungkin menggunakan Komunikasi Pengguna dengan cara yang sama seperti Maklumat Peribadi. Jika anda berkomunikasi dengan Exabytes untuk tujuan tertentu, Exabytes mungkin menggunakan komunikasi tersebut bagi tujuan yang sama. Contohnya, jika anda menghubungi Exabytes untuk sokongan teknikal, Exabytes akan menggunakan komunikasi anda untuk memberikan bantuan teknikal.

Exabytes mungkin menggunakan Maklumat Pelayan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal serta untuk mengekalkan, menilai, menambah baik dan menyediakan produk dan perkhidmatan Exabytes. Exabytes juga boleh menggunakan maklumat tersebut untuk menyiasat penggunaan perisian Exabytes yang tidak berlesen (dan oleh itu tidak dibenarkan).

Di Mana Maklumat Peribadi Anda Disimpan?

Exabytes ialah sebuah syarikat global, dan maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan dan disimpan di pejabat kami di Malaysia serta pusat data yang berkaitan. Dengan menerima terma perkhidmatan kami, anda secara jelas memberikan persetujuan kepada pemindahan dan penyimpanan maklumat ini. Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda dikendalikan dengan selamat dan selaras dengan Notis Privasi ini.

Bagaimanakah Exabytes Melindungi Keselamatan Data Anda?

Exabytes akan melindungi kerahsiaan maklumat peribadi, maklumat akaun, dan komunikasi peribadi anda sejauh mana yang mungkin, selaras dengan undang-undang dan kepentingan sah Exabytes, rakan kongsinya, pekerjaanya, serta pelanggan perkhidmatan Exabytes yang lain. Bagi melindungi kehilangan, penyalahgunaan, dan pengubahsuaian maklumat yang dikumpulkan daripada pelanggan, Exabytes telah melaksanakan prosedur fizikal, elektronik dan pengurusan yang sewajarnya.

Pemberitahuan Pelanggaran Data

Sekiranya berlaku pelanggaran data yang menjejaskan hak anda, Exabytes komited untuk memaklumkan individu yang terlibat serta Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDPC) dalam tempoh 72 jam selepas menyedari kejadian tersebut. Anda akan dimaklumkan mengenai pelanggaran tersebut melalui e-mel atau notis di laman web kami, bergantung kepada tahap keterukan situasi. Dengan menggunakan perkhidmatan kami, anda mengakui bahawa kami mungkin menghubungi anda sekiranya berlaku pelanggaran data dan memberikan butiran mengenai sifat pelanggaran serta langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan kesannya.

Apakah Maklumat yang Dikumpul oleh Exabytes Jika Anda Berumur di Bawah 13 Tahun?

Secara asasnya, Exabytes tidak mengumpul Maklumat Peribadi kanak-kanak di bawah umur 13 tahun dengan sengaja. Jika Exabytes mengetahui bahawa ia telah mengumpul Maklumat Peribadi kanak-kanak di bawah umur 13 tahun tanpa disedari, Exabytes akan mengambil langkah untuk memadamkan maklumat tersebut secepat mungkin, kecuali jika dikehendaki oleh undang-undang yang berkuat kuasa untuk menyimpannya.

Sekiranya Exabytes mengetahui bahawa seorang kanak-kanak berumur lebih daripada 13 tahun tetapi masih dianggap sebagai kanak-kanak bawah umur di bawah undang-undang yang berkenaan,

Exabytes akan mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga sebelum menggunakan Maklumat Peribadi kanak-kanak tersebut.

Bagaimanakah Saya Boleh Mengubah Maklumat Peribadi Saya?

Anda boleh mengubah maklumat peribadi anda dengan menghantar tiket melalui Help Desk atau mengemas kini maklumat tersebut melalui Sistem Pengebilan Pelanggan Exabytes (Exabytes Client Billing System).

Sekiranya anda telah mendaftar nama domain dengan Exabytes dan ingin menukar Kenalan Teknikal (Technical Contact) daripada Exabytes kepada syarikat lain atau ingin menukar mana-mana maklumat pendaftaran lain, anda boleh berbuat demikian dengan log masuk ke Panel Kawalan Pendaftar Domain yang berkenaan. Exabytes menyediakan akses penuh kepada akaun domain anda dengan menghantar nama pengguna dan kata laluan kepada anda.

Harus diambil perhatian bahawa maklumat pendaftaran nama domain anda akan dipaparkan secara umum dalam daftar domain. Sekiranya anda kehilangan kata laluan domain anda, anda boleh menghantar tiket Help Desk dan kami akan menghantar semula kata laluan tersebut ke alamat emel yang terdaftar dalam rekod domain

Sekiranya anda kehilangan kata laluan dan alamat emel yang direkodkan dengan Pendaftar Domain tidak lagi sah, permintaan terus kepada Pendaftar Domain diperlukan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan alamat emel anda dengan Pendaftar Domain dan Exabytes sentiasa dikemas kini.

Adakah Exabytes Akan Menghantar Kiriman Promosi Secara Terus kepada Saya?

Dari semasa ke semasa, Exabytes mungkin menghantar maklumat mengenai pelbagai produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Kami tidak akan menghantar maklumat seumpama ini tanpa memberi anda pilihan untuk memilih keluar (opt out) daripada penerimaan kiriman tersebut. Anda boleh memilih untuk tidak menerima kiriman ini dengan menghantar e-mel kepada support@exabytes.my. Walau bagaimanapun, tindakan ini mungkin menyebabkan anda tidak menerima komunikasi penting berkaitan perkhidmatan anda.

Selain itu, sekiranya anda merupakan penjual semula (reseller) Exabytes, Exabytes dan/atau rakan kongsi serta pengiklan kami mungkin dari semasa ke semasa akan menghantar surat berita, bahan promosi, dan kiriman lain kepada anda. Anda juga boleh memilih untuk tidak menerima kiriman ini dengan menghantar e-mel kepada support@exabytes.my.

Bagaimanakah Saya Boleh Melindungi Maklumat Peribadi Saya di Forum Awam?

Exabytes mungkin menawarkan forum interaktif seperti papan mesej dan ruang sembang. Anda dinasihatkan agar berhati-hati apabila mendedahkan Maklumat Peribadi secara sukarela kepada pengguna lain atau pihak ketiga melalui sistem Exabytes, e-mel, atau di luar sistem Exabytes. Maklumat yang didedahkan boleh dikumpul dan digunakan oleh pihak lain serta mungkin mengakibatkan penerimaan mesej yang tidak diingini daripada ahli lain atau pihak ketiga.

Walaupun Exabytes berusaha untuk melindungi Maklumat Peribadi anda, Exabytes tidak dapat menjamin keselamatan maklumat yang anda hantar, dan anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kerahsiaan kata laluan dan maklumat akaun anda.

Maklumat dan Akses kepada Maklumat Peribadi Anda & Tempoh Penyimpanan

Berdasarkan maklumat yang anda berikan kepada Exabytes, kami akan berusaha untuk memastikan bahawa maklumat hubungan dan pilihan anda adalah tepat, lengkap, dan terkini.

Anda mempunyai hak untuk meminta akses, pembetulan, atau penghapusan Maklumat Peribadi anda; untuk mengehadkan pemprosesan data berkenaan; untuk membantah pemprosesan tersebut; serta untuk mendapatkan data anda dalam format boleh-alih (data portability). Exabytes akan mematuhi permintaan penghapusan selagi tidak diwajibkan oleh undang-undang untuk menyimpan maklumat tersebut atau jika maklumat tersebut diperlukan bagi tujuan perniagaan yang sah. Exabytes berhak untuk menolak permintaan yang tidak munasabah, menyusahkan, menjejaskan privasi individu lain, tidak praktikal, atau tidak diwajibkan oleh undang-undang tempatan.

Permintaan untuk akses, pembetulan, atau penghapusan boleh dibuat melalui e-mel ke legal@exabytes.com.

Pemindahan Data Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada kumpulan syarikat Exabytes, data peribadi anda mungkin dipindahkan kepada satu atau lebih entiti dalam Kumpulan Exabytes mengikut keperluan untuk tujuan termasuk pemprosesan dan penyimpanan data, memberikan anda akses kepada perkhidmatan kami, menyediakan sokongan pelanggan, memperbaiki perkhidmatan kami, membangunkan kandungan, atau untuk tujuan lain yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

Dengan mengemukakan data peribadi anda kepada kami, sama ada melalui interaksi anda dengan laman web kami, pejabat kami, atau acara kami, anda mengakui dan memberi persetujuan kepada pemindahan data peribadi anda di luar Malaysia. Data tersebut mungkin disimpan dan diproses oleh kami, mana-mana syarikat dalam Kumpulan Exabytes, dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan untuk tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

Apabila kami memindahkan data peribadi anda di luar Malaysia, kami akan memastikan pematuhan dengan semua keperluan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, termasuk menetapkan asas yang sah untuk pemindahan dan melaksanakan langkah perlindungan yang sesuai untuk melindungi data peribadi anda. Kami juga akan memastikan bahawa penerima asing tertakluk kepada kewajipan perlindungan data yang memberikan tahap perlindungan yang sekurang-kurangnya setara dengan piawaian di bawah undang-undang Malaysia. Exabytes komited untuk memastikan bahawa data peribadi anda kekal selamat semasa pemindahan merentas sempadan. Kami telah melaksanakan pelbagai langkah untuk melindungi data peribadi anda, termasuk penyulitan dan amalan keselamatan standard industri yang lain.

Sekiranya berlaku jualan, pelupusan, pengambilalihan, penggabungan, atau penyusunan semula yang melibatkan Exabytes dan/atau mana-mana bahagian perniagaan atau asetnya (sama ada di dalam Malaysia atau luar negara), data peribadi anda mungkin didedahkan dan/atau dipindahkan kepada pihak ketiga yang berkaitan sebagai sebahagian daripada transaksi tersebut. Jika dikehendaki oleh undang-undang, Exabytes akan mengambil langkah yang wajar untuk memaklumkan kepada anda sebelum pemindahan data peribadi anda. Anda mungkin berhak untuk menarik diri atau membantah pemindahan tersebut, tetapi hanya sejauh yang dibenarkan di bawah PDPA.

Hak Anda

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 ("PDPA"), anda sebagai Subjek Data berhak untuk melaksanakan hak-hak berikut berhubung Data Peribadi anda yang disimpan oleh Exabytes:

- i. Hak untuk Akses: Anda boleh meminta pengesahan sama ada Exabytes menyimpan sebarang Data Peribadi yang berkaitan dengan anda dan, jika ada, meminta akses kepada data tersebut termasuk maklumat mengenai bagaimana data tersebut diproses dan digunakan (juga dikenali sebagai "Permintaan Akses Data").
- ii. Hak untuk Pembetulan: Anda boleh meminta pembetulan atau pelarasan terhadap sebarang Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, atau lapuk yang disimpan oleh Exabytes.
- iii. Hak untuk Pemadaman: Anda boleh meminta pemadaman Data Peribadi anda sekiranya data tersebut tidak lagi diperlukan untuk tujuan asal ia dikumpulkan, atau jika tiada asas sah untuk menyimpan atau memproses data tersebut. Harap maklum bahawa Exabytes berhak menolak permintaan ini dalam keadaan-keadaan tertentu yang dibenarkan oleh undang-undang.
- iv. Hak untuk Membantah: Anda boleh membantah pemprosesan Data Peribadi anda dalam keadaan-keadaan tertentu, termasuk bagi tujuan pemasaran langsung.
- v. Hak untuk Menarik Balik Persetujuan: Anda boleh menarik balik, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, sebarang persetujuan yang telah diberikan kepada Exabytes, tertakluk kepada sekatan undang-undang atau kontrak serta pemberitahuan dalam tempoh masa yang munasabah. Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan ini mungkin menjejaskan keupayaan anda untuk mengakses sesetengah perkhidmatan atau fungsi yang disediakan oleh Exabytes.
- vi. Hak untuk Menolak Pemasaran Langsung: Anda mempunyai hak untuk pada bila-bila masa meminta agar Data Peribadi anda tidak diproses untuk tujuan pemasaran. Setelah menerima bantahan bertulis anda, Exabytes akan menghentikan pemprosesan tersebut kecuali jika dibenarkan sebaliknya di bawah undang-undang.
- vii. Hak Berhubung Keputusan Automatik: Jika berkenaan, anda berhak untuk dimaklumkan mengenai sebarang keputusan automatik atau pemprofilan yang melibatkan Data Peribadi anda, serta diberi maklumat yang relevan tentang logik yang digunakan dan kesan yang dijangkakan akibat daripada pemprosesan tersebut.
- viii. Hak untuk Keboleh-alihan Data: Anda boleh meminta salinan Data Peribadi anda dalam format yang tersusun dan lazim digunakan untuk dipindahkan kepada penyedia perkhidmatan lain, jika boleh dilaksanakan dari sudut teknikal.

Untuk melaksanakan hak anda di atas, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di legal@exabytes.com. Exabytes mungkin memerlukan pengesahan identiti anda dan kesahihan permintaan tersebut, dan kami juga mungkin meminta dokumen sokongan atau maklumat tambahan sebelum memproses permintaan anda selaras dengan PDPA.

Laman Web Pihak Ketiga

Laman web Exabytes mungkin, dari semasa ke semasa, mengandungi pautan ke dan daripada laman web rangkaian rakan kongsi, pengiklan dan ahli gabungan Exabytes. Sekiranya anda mengikuti pautan ke mana-mana laman web ini, sila ambil maklum bahawa laman web tersebut mempunyai

dasar/notis privasi mereka sendiri dan Exabytes tidak bertanggungjawab ke atas kandungan atau amalan dasar/notis privasi mereka. Anda dinasihatkan untuk menyemak dasar/notis privasi laman web berkenaan sebelum menyerahkan sebarang Maklumat Peribadi.

Adakah Exabytes Menggunakan Kuki dan Suar Web?

Kuki (Cookies)

Exabytes menggunakan kuki untuk membezakan anda daripada pengguna lain laman web ini dan untuk meningkatkan pengalaman anda secara keseluruhan. Apabila anda menggunakan laman web ini, maklumat tertentu mungkin disimpan secara tempatan pada peranti anda melalui 'kuki' atau teknologi serupa seperti objek yang disimpan dalam storan setempat peranti anda.

Kuki ialah fail teks kecil yang digunakan untuk menyimpan maklumat terhad mengenai pengguna sesuatu peranti. Ia membantu Exabytes memahami bagaimana pengguna menggunakan laman web ini supaya kami dapat terus memperbaiki dan membangunkannya.

Kuki menyimpan maklumat seperti pilihan anda di laman web, model dan pengeluar peranti, resolusi skrin, keupayaan peranti, penyedia perkhidmatan, serta lokasi negara dan bandar.

Exabytes menggunakan jenis kuki berikut:

Sangat Diperlukan (Strictly Necessary): Kuki ini membolehkan laman web Exabytes berfungsi dengan betul dan menyampaikan perkhidmatan atau produk yang anda minta.

Prestasi dan Fungsi (Performance & Functionality): Kuki ini meningkatkan prestasi dan fungsi laman web Exabytes tetapi tidak penting untuk kegunaannya. Contohnya, kuki digunakan untuk mengingat pilihan anda di laman web. Tanpa kuki ini, beberapa fungsi mungkin tidak tersedia.

Analitik (Analytical): Kuki ini mengumpul maklumat dalam bentuk agregat untuk membantu Exabytes memahami bagaimana laman web digunakan atau untuk menyesuaikan laman web mengikut kesesuaian anda. Secara khusus, Exabytes menggunakan kuki daripada Google Analytics. Untuk maklumat lanjut tentang dasar privasi Google, sila lawati: <http://www.google.com/intl/en/policies/>. Jika anda tidak mahu membenarkan penggunaan kuki Google Analytics, Google menyediakan pemalam untuk menyahaktifkan bagi kebanyakan pelayar web: <http://tools.google.com/dlpage/gaoptout>.

Dengan menggunakan perkhidmatan ini, anda bersetuju dengan penggunaan kuki mengikut Notis Privasi ini.

Pilihan Kuki Anda

Anda berhak untuk memilih sama ada ingin menerima atau menolak penggunaan kuki dan teknologi serupa. Anda boleh membuat pilihan ini dengan tidak menerima Terma Perkhidmatan dan Noits Privasi ini. Walau bagaimanapun, sila maklum bahawa jika anda menolak, anda tidak akan dapat menggunakan perkhidmatan ini.

Untuk maklumat lanjut tentang apa itu kuki dan hak anda dalam mengawalinya, sila lawati sumber pendidikan pihak ketiga di www.allaboutcookies.org. (laman dalam Bahasa Inggeris).

Bagaimana dengan Privasi di Laman Web yang Dipautkan oleh Exabytes?

Exabytes mungkin menyediakan pautan ke rakan kongsi dan laman web Internet lain. Laman-laman ini mempunyai dasar dan amalan privasi mereka yang tersendiri dan berasingan daripada Exabytes. Oleh itu, Exabytes tidak bertanggungjawab ke atas sebarang dasar atau tindakan laman-laman tersebut.

Bagaimana Jika Anda Mempunyai Soalan, Komen atau Aduan Berkaitan Notis Privasi Ini?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan berhubung data peribadi anda atau Notis Privasi kami, atau jika anda ingin mengakses, mengemas kini, atau membuat aduan berkaitan data peribadi anda, anda boleh menghubungi kami di:

Pegawai Perlindungan Data (DPO) Exabytes

Alamat: 1-18-8, Suntech @ Penang Cybercity Lintang Mayang Pasir 3, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang, Malaysia.

Telefon: +604-6097888

E-mel: legal@exabytes.com

Laman Web: www.exabytes.my

DPO kami telah dilantik secara rasmi selaras dengan keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA), dan bertanggungjawab untuk menyelia strategi perlindungan data kami, memastikan pematuhan terhadap undang-undang yang berkenaan, serta melindungi keselamatan dan integriti Data Peribadi anda.

Adalah menjadi dasar Exabytes untuk menyiasat dan berusaha menyelesaikan semua aduan bertulis rasmi yang diterima berkaitan dengan Notis Privasi ini. Exabytes akan bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkenaan, termasuk pihak berkuasa perlindungan data tempatan, bagi menyelesaikan sebarang aduan berkaitan pemindahan data peribadi yang tidak dapat diselesaikan antara Exabytes dan individu tersebut.

Bermula dari 25 Mei 2018, Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR) telah berkuat kuasa. Hak-hak anda di bawah peraturan baharu tersebut diterangkan di <https://ico.org.uk/for-organisations/data-protection-reform/overview-of-the-gdpr/>. Butiran mengenai bagaimana anda boleh melaksanakan hak-hak tersebut diterangkan di bahagian 'Hak Anda'. Exabytes telah mengambil kira GDPR dalam Notis Privasi ini, tetapi sekiranya anda percaya bahawa Exabytes telah gagal untuk berbuat demikian, sila maklumkan kepada kami di legal@exabytes.com.

Perubahan kepada Notis Privasi Ini

Kami mungkin menyemak dan mengemas kini Notis Privasi ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang yang berkenaan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) Malaysia. Sebarang pindaan, kemas kini, atau perubahan terhadap dasar ini akan berkuat kuasa pada tarikh ianya diterbitkan di laman web kami. Kami menggalakkan anda untuk menyemak Notis Privasi ini secara berkala agar sentiasa dimaklumkan tentang cara kami mengumpul, menggunakan dan melindungi Data Peribadi anda. Penggunaan berterusan terhadap produk dan perkhidmatan kami selepas tarikh kuat kuasa sebarang perubahan merupakan

penerimaan anda terhadap Notis Privasi yang dikemas kini. Jika anda tidak bersetuju dengan sebarang perubahan, anda boleh memilih untuk menghentikan penggunaan perkhidmatan kami.

Tarikh Kemas Kini Notis Privasi ini telah dikemas kini kali terakhir pada **8 Ogos 2025**.

Bahasa

Notis Privasi ini disediakan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi-versi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

----- Tamat Notis Perlindungan Data Peribadi / Privasi Exabytes -----